



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar

KENYATAAN TENDER (KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

CADANGAN PEROLEHAN MARA DEBT MANAGEMENT SYSTEM (DMS)

NO. TENDER	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT TENDER	HARGA SENASKHAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER
41/2022	210102, 210103, 210104, 210105, 210108	20/05/2022 Hingga 10/06/2022	13/06/2022 (Isnin) 10.00 pagi Dewan Sumber Ilmu Tingkat 4, Ibu Pejabat MARA No.21, Jalan MARA 50609 Kuala Lumpur	RM60.00	21/06/2022 Selasa (Sebelum 12.00 tengah hari)

2. Pembekal-pembekal Bumiputera hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.
 - i) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
 - ii) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **MARA** semasa membeli dokumen. **MARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **MARA** tidak layak.

3. Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara **BANK DRAF / KIRIMAN WANG / WANG POS** atas nama **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)**. Wang ini tidak akan dikembalikan. **Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja.**
4. Dokumen tender boleh didapati pada **waktu pejabat (8.30 pagi – 4.30 petang) sepanjang Fasa Peralihan ke Endemik seperti alamat di bawah. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.**

5. **Pembekal yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri taklimat tender seperti alamat di atas. WAKIL SYARIKAT adalah TIDAK DIBENARKAN untuk menghadiri taklimat tender dan membeli dokumen. Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENAMA YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan KAD PENGENALAN dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dan SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat tender tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat tender.**

6. **Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.**
7. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Tender** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti alamat di bawah:

PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN PEROLEHAN
TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER)
LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA, 21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR
Sebelum atau pada tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

9. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>
10. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari sekiranya memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
11. Pembelian dan penghantaran Dokumen Tender perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan Majlis Keselamatan Negara.